




Tiga dekad

Dedikasi, integriti dan kepercayaan bersama rakyat.

Telah Diterbitkan!



IMBAS
KOD QR
UNTUK
BACA

**NAVIGASI
HASiL
2026**
HASIL NAVIGATION

e- Buku Panduan Cukai terkini, kini tersedia di MyTax dan EduZone HASiL

Perkembangan Terkini

Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS)

Duti Setem

e-Rayuan

Perkasa Rayuan Taksiran

e-DERMA

Pendigitalan Urusan Cukai

Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS)

e-INVOIS

Lanjutan Tempoh

Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS)
Duti Setem 2026



Lanjutan Selama 6 Bulan

**Bermula 1 Julai hingga
31 Disember 2026**

Pelanjutan tempoh adalah usaha HASiL untuk:

- Menggalakkan pematuhan penyeteman secara sukarela.
- Memberi ruang kepada pembayar duti menyesuaikan diri dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS).
- Mengurangkan ketidakpatuhan terhadap peruntukan di bawah Akta Setem 1949.

STSDS telah berkuat kuasa 1 Januari 2026.

- Taksir dan bayar sendiri.
- Cepat, mudah dan tanpa Notis Taksiran.
- Semua urusan penyeteman melalui **MyTax**

Pelaksanaan Berfasa (2026 - 2028)

2026: Sewa/Pajakan, Sekuriti, Penyeteman Am.

2027: Pindah Milik Harta Tanah (Tanpa Penilaian JPPH).

2028: Surat Cara Lain.

Jenis Surat Cara Yang Layak

Semua surat cara yang disempurnakan mulai

1 Januari 2023
hingga
31 Disember 2025

Penyeteman dan bayaran duti setem dibuat dalam tempoh

1 Januari 2026
hingga
31 Disember 2026

Pembayar Duti Yang Layak: Warganegara dan Bukan Warganegara

Faedah Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) Duti Setem

- Pengecualian Penalti (kecuali melibatkan kes *fraud*).
- Surat Cara tersebut tidak akan diaudit.

Jangan lupa kemukakan permohonan penyeteman serta membuat bayaran duti setem lebih awal, nanti notis taksiran boleh dikeluarkan dalam tempoh PKPS dan bayaran duti setem dibuat dalam tempoh ditetapkan.



Layari Portal Rasmi HASiL di:



www.hasil.gov.my

>> e-Duti Setem atau;

Layari Portal MyTax di:



<https://mytax.hasil.gov.my>

>> Perkhidmatan ezHasil >> Duti Setem >> e-Duti Setem

e-Derma: Pendigitalan Urusan Cukai



Berkuat Kuasa Mulai 15 Jun 2026

Permohonan Secara Mandatori Melalui Sistem e-Derma

Bagi memperluas penyampaian perkhidmatan digital, **Sistem e-Derma** telah diperkenalkan untuk memudahkan Institusi atau Organisasi (IO) mengemukakan permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Sistem ini boleh diakses melalui portal MyTax sejak 20 Ogos 2025.

Pengguna boleh mengakses perkhidmatan ini dengan mengikuti panduan mudah berikut:

a) Layari portal rasmi HASiL di



www.hasil.gov.my;

>> Menu Perkhidmatan >> Institusi / Organisasi / Tabung
>> Perkhidmatan Atas Talian; dan

b) Manual Pengguna Sistem e-Derma di



<https://mytax.hasil.gov.my>;

>> Menu >> Panduan Pengguna >> Manual Pengguna
e-Derma bagi panduan pengisian

e-Rayuan: Rayuan Taksiran



Kini Lebih Mudah

Melalui Portal **MyTax** Mulai 1 Jun 2026

Pengemukaan rayuan taksiran atau permohonan lanjutan masa untuk membuat rayuan terhadap taksiran cukai yang dibangkitkan di bawah **Akta Cukai Pendapatan (ACP 1967)** kini boleh dilaksanakan **secara dalam talian** menerusi perkhidmatan **e-Rayuan** taksiran.

Kemudahan e-Rayuan ini tidak meliputi kes-kes:

- Cukai Keuntungan Modal.
- Cukai Pegangan.
- Taksiran yang dibangkitkan hasil aktiviti siasatan.

Pengalaman baharu yang bakal diperoleh pembayar cukai

- a) Rayuan taksiran/permohonan lanjutan masa membuat rayuan di mana-mana sahaja dan secara masa nyata (Real Time);
- b) Menyemak status rayuan taksiran/permohonan lanjutan masa sepanjang proses pengendalian; dan
- c) Menerima notifikasi status kes, surat pengesahan penerimaan/penolakan dan notis kelulusan lanjutan masa berkaitan secara dalam talian dengan lebih sistematik.

Pembayar Cukai boleh mengakses e-Rayuan menerusi:

Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>

>> Daftar Masuk >> Perkhidmatan ezHasil >> e-Rayuan

Program Khas

Pengakuan Sukarela (PKPS) e-INVOIS

1. Pembayar Cukai boleh semak, kemas kini dan membuat pembetulan transaksi e-Invois.
2. Tiada penalti dikenakan bagi semakan, kemas kini dan pembetulan.

**Bermula pada 7 Julai 2026
hingga 31 Disember 2027.**



Siapa yang boleh turut serta?

Program ini terbuka kepada pembayar cukai yang..

1. Telah melaksanakan e-Invois mengikut garis masa yang ditetapkan tetapi tidak mengemukakan e-Invois sepenuhnya bagi transaksi tertentu..
2. Telah mengemukakan e-Invois tetapi terdapat kesilapan atau maklumat yang tidak mematuhi spesifikasi dan syarat yang ditetapkan..
3. Tidak mengemukakan e-Invois bagi mana-mana tempoh bermula daripada tarikh pelaksanaan mandatori e-Invois.. dan



4. Dalam tindakan semakan pematuhan e-Invois.



Bagaimana cara untuk menyertai program ini?

Pembayar cukai perlu menggunakan dokumen versi berikut untuk penghantaran e-Invois atau dokumen pindaan:

- Versi PKPS 1.2 (tanpa tandatangan digital); atau
- Versi PKPS 1.3 (dengan tandatangan digital)



Apakah inisiatif yang disediakan kepada pembayar cukai yang mematuhi sepenuhnya pelaksanaan e-Invois?

Insentif cukai dipercepat, tuntutan penuh elaun modal dalam tempoh satu (1) tahun bagi perbelanjaan yang layak berkaitan pelaksanaan e-Invois meliputi perbelanjaan ICT dan pembangunan atau pengubahsuaian perisian bagi pelaksanaan e-Invois.



**Maklumat penuh boleh didapati di dalam Seksyen 17
Garis Panduan Spesifik e-Invois di Laman Mikro e-Invois.**

Klik 

Inisiatif Komunikasi Pengumuman & Terkini

**Portal Rasmi HASiL berwajah baharu
yang memberikan pengalaman digital
yang lebih baik.**




LEBIH SEGAR

LEBIH MODEN LEBIH MUDAH

Klik  Layari Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my

Tanya HAFY

(HASiL Always For You)



Dapatkan jawapan pantas kepada persoalan percukaian anda melalui Portal Rasmi HASiL.

Dengan Tanya HAFY, anda boleh:

- ✓ Mengakses maklumat lebih tepat, sistematik dan relevan.
- ✓ Menjimatkan masa dengan carian maklumat lebih mudah dan efisien.
- ✓ Mendapatkan maklumat secara sendiri (self-service) pada bila-bila masa.



PERINGATAN!

MESEJ AMARAN



WASPADA SINDIKET PENIPUAN PERCUKAIAN

OK



SEBELUM KLIK, **SEMAK** ALAMAT PENGHANTAR.



E-MEL RASMI HASIL

Semua komunikasi rasmi HASIL
menggunakan domain:

@hasil.gov.my

CONTOH

- ✓ cor@hasil.gov.my
- ✓ map@hasil.gov.my
- ✓ tcg@hasil.gov.my
- ✓ fatca@hasil.gov.my
- ✓ crs@hasil.gov.my
- ✓ edagang.jpc@hasil.gov.my

dan lain-lain



e-mel rasmi HASIL berkaitan urusan
percutaan, peringatan, kempen *nudge*
serta komunikasi rasmi yang lain.



AWAS PENIPUAN

Jangan percaya e-mel yang:



Meminta kata laluan MyTax




Meminta TAC atau
maklumat bank



Menawarkan bayaran balik
(refund) segera atau
ganjaran melalui e-mel



Mendesak anda untuk
klik pautan atau muat turun
lampiran mencurigakan



Menggunakan domain
selain @hasil.gov.my



**JANGAN MUDAH PERCAYA
SCAMMER BOLEH MENYAMAR
SEBAGAI HASIL!**



SEMAK DOMAIN. ELAK PENIPUAN.

Jangan dedahkan butiran perbankan;
Jangan klik pada pautan mencurigakan;
Bayaran cukai hanya melalui saluran
rasmi HASIL.



Semak kesahihan melalui:

- HASIL Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- HASIL Live Chat;
- Borang Maklum Balas HASIL di: <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>
- Hadir ke pejabat HASIL yang berdekatan.



HASiL® 30 TAHUN HASiL

Melangkau tiga dekad pengalaman, HASiL terus memperkukuh ekosistem percukaian digital yang progresif, telus dan berimpak demi kesejahteraan negara. Ikuti HASiL di:



www.hasil.gov.my



03-8911 1000



HASiLMALAYSIA



HASiL_MALAYSIA

Memacu Ekosistem Cukai Pintar